

# Kedaulatan ZEE Laut China Selatan terus dipertahan - PM

Oleh **MOHD. FADHLI**  
**MOHD. SULAIMAN**

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Malaysia terus konsisten dengan pendirian terhadap perlindungan kedaulatan, hak dan kepentingan dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) di Laut China Selatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pada masa sama Malaysia tidak akan goyah berhadapan dengan cabaran dan tuntutan dikemukakan mana-mana pihak.

“Berdasarkan perkara ini, perlu ditekankan keselamatan Malaysia jadi keutamaan demi keamanan di rantau ini untuk terus dipelihara.

“Kami akan memanfaatkan lokasi geografi sama ada di



**ANWAR Ibrahim semasa menyampaikan ucapan pada Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik di ibu negara semalam.**

darat dan maritim yang melintasi laluan perdagangan paling penting dan kedudukan ekono-

mi sebagai bahagian penting dalam pelbagai rantaian bekalan global untuk menggalakkan

keselamatan serantau," kata beliau dalam ucapturnya pada Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik di ibu negara semalam.

Program yang berlangsung tiga hari bermula Selasa bertemakan *An Age of Strategic Uncertainty* yang membincangkan pelbagai isu mengenai geopolitik, keselamatan, ekonomi dan sosio-budaya.

Selain itu, menurut beliau, Malaysia mesti meneruskan hubungan baik dengan China dan Amerika Syarikat (AS) dalam bidang geopolitik.

“Hubungan baik dengan kedua-dua kuasa besar, China dan AS berdasarkan keadilan, rasa hormat dan persefahaman, ihsan dan mengikut undang-undang antarabangsa,” kata beliau.